

07 JAN 2001

Abdullah-Debat

ABDULLAH ARAH PEMUDA UMNO BATALKAN DEBAT DENGAN PAS

KEPALA BATAS, 7 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Adullah Ahmad Badawi hari ini mengarahkan Datuk Hishammuddin Tun Hussein supaya membatalkan debat antara Ketua Pemuda Umno itu dengan Ketua Pemuda Pas Mahfuz Omar untuk memastikan agar cadangan pertemuan mengenai perpaduan Melayu antara presiden Umno, Pas dan Parti Keadilan Nasional akan berjaya.

Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno itu berkata debat mungkin menghasilkan perkara lain yang akan menggagalkan cadangan pertemuan tiga pemimpin berkenaan.

"Ini kerana bermacam-macam (perkara) akan timbul dari debat itu...tentu sekali kedua-dua pihak akan bertegang leher untuk menegakkan pendirian masing-masing," katanya pada sidang berita selepas menghadiri jamuan Hari Raya Aidilfitri anjuran Pemuda Umno Pulau Pinang di Permatang Langsat, dekat Pinang Tunggal di sini.

Hishammuddin turut hadir di majlis itu bersama-sama Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Helmi Yahaya.

"Jadi lebih baik kita utamakan pada waktu ini dengan cadangan diadakan pertemuan itu yang bakal dihadiri oleh pemimpin Umno, Pas dan Adil (Keadilan). Itu lebih mustahak daripada debat," katanya.

Debat antara Hishammuddin dan Mahfuz adalah mengenai isu hak dan keistimewaan Melayu.

Sebelum ini, Ketua Pemuda Umno itu dilaporkan meminta agar debat itu ditangguhkan tetapi Mahfuz mahukan ianya diteruskan.

Pertemuan antara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku presiden Umno, Datuk Fadzil Noor dari Pas dan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dari Parti Keadilan pula bertujuan menyatukan orang Melayu. Tarikh dan tempatnya belum ditetapkan.

Ketika berucap pada majlis itu, Abdullah berkata arahan supaya debat itu batalkan ialah untuk "mengelak perang mulut yang tidak menyenangkan".

Beliau berkata, terdapat juga permintaan daripada pemimpin masyarakat agar debat itu tidak diadakan agar perhatian diberi terhadap pertemuan pemimpin ketiga-tiga parti itu.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, pertemuan yang bakal diadakan antara ketiga-tiga pemimpin itu akan turut mengambil kira situasi negara sekarang ini.

"Ia turut mengambil kira hubungan baik antara kaum serta perasaan kaum," katanya.

Mengenai persetujuan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina (Suqiu) menarik balik tujuh tuntutan yang menyentuh hak dan keistimewaan orang Melayu, beliau berkata ianya adalah kemenangan bagi rakyat Malaysia.

"Rakyat Malaysia mahu perkara ini diselesaikan," katanya.

Abdullah berkata semua pihak faham bahawa keselamatan dan keamanan di negara ini membawa kemakmuran serta kebahagiaan, dan ini merupakan aspirasi rakyat.

-- BERNAMA

AHM MAI